

20/09/2003

Snap, IPF dijemput rai ulang tahun

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Parti politik bukan komponen Barisan Nasional (BN) tetapi menjadi rakan lama gabungan itu, turut dijemput ke majlis sambutan ulang tahun ke-50 kongsi kuasa di Stadium Merdeka, hari ini.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata ini termasuk bekas parti komponen BN, Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan Parti Barisan Progresif India (IPF).

"Snap adalah rakan lama dalam BN dan pernah menjadi anggota komponen BN, manakala IPF sentiasa menyokong perjuangan BN, walaupun permohonannya untuk menganggotai BN belum diterima.

"Jadi kita akan jemput rakan lama dan parti politik yang menyokong perjuangan BN selama ini untuk bersama-sama 14 parti komponen BN lain meraikan ulang tahun kongsi kuasa," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

Pada 5 November tahun lalu, ROS membatalkan pendaftaran Snap berikutan kegagalan pemimpin yang bertelagah menyelesaikan masalah dalam parti.

Berikutan itu sebuah parti baru, Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP) ditubuhkan oleh salah satu kumpulan diketuai bekas Naib Presiden Snap, Datuk William Mawan Ikom dan SPDP diterima menjadi anggota BN.

Kedudukan Snap bagaimanapun belum selesai kerana pihak mahkamah telah mengarah supaya ROS tidak melaksanakan keputusannya dulu dan BN memutuskan akan menunggu keputusan mahkamah mengenai status Snap.

Namun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi BN mengumumkan baru-baru ini, Snap perlu memohon semula menyertai BN jika ROS mengumumkan status parti itu masih sah.

Sementara itu, Mohamed berkata, semua 14 parti komponen BN menghadiri perhimpunan ulang tahun ke-50 BN hari ini termasuk Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

"Walaupun kita sebelum ini mengumumkan tidak menjemput PBDS kerana kesukaran menentukan pihak mana harus dijemput berikutan krisis kepimpinan dalam parti itu, namun Ibu pejabat BN telah memutuskan untuk menghantar jemputan ke Ibu pejabat PBDS.

"PBDS tetap anggota komponen BN walaupun status dua puak yang bertelagah dalam parti itu belum diputuskan oleh ROS," katanya.

PBDS kini berpecah dua dengan satu kumpulan diketuai bekas Timbalan Presiden, Datuk Seri Daniel Tajem dan satu lagi diketuai bekas Ketua Penerangannya, Datuk Seri Dr James Jemut Masing yang juga Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak.